

Solat Sunnat

Solat Sunnat:

Ialah solat sukarela untuk menambah taat seorang Muslim kepada Allah s.w.t

Kelebihannya:

Ia dianjurkan oleh Islam mengerjakannya kerana dapat melengkapkan kekurangan dari solat fardhu yang berkemungkinan ada cacat celanya atau kekurangan.

Hukum Solat Sunnat

Hukumnya:

Dapat pahala bagi seseorang yang mengerjakan dan tidak berdosa jika ditinggalkannya.

Solat sunnat terbahagi kepada dua bahagian:

1. Sunnat dikerjakan berjamaah.
2. Tidak disunnatkan berjamaah

1. Sunnat Dikerjakan Berjamaah – 7 Jenis

1. Solat Hari Raya Idul Fitri.
2. Solat Hari Raya Idul Adha.
3. Solat sunnat gerhana matahari.
4. Solat sunnat gerhana bulan.
5. Solat sunnat minta hujan (Istisqa').
 6. Solat Terawih.
 7. Solat Witr.

Solat Witr

Disunnatkan bersolat witr berjamaah selepas solat Terawih, kecuali seseorang itu berazam untuk mengerjakannya pada akhir malam. Sesungguhnya mengakhirkannya lebih afdal. (utama)

2. Tidak Sunnat Dikerjakan Berjamaah – 2 Jenis

a. Sunnat-sunnat rawatib:

Solat solat sunnat yang beriringan dengan solat-solat fardhu

b. Sunnat-sunnat yang tidak terikat dengan solat-solat:

Ialah solat-solat sunnat yang dikerjakan oleh seseorang pada malam atau siang hari.

Diantara Ialah:

1. Solat Tahajjud
2. Solat Dhuha
3. Solat Tahiyyatul Masjid
4. Solat Taubat
5. Solat Tasbih
6. Solat Istikharah
7. Solat Wudhu'
8. Solat Awwabin
9. Solat Hajat
10. Solat sunnat mutlak

Solat Sunnat Tahajjud

Solat Sunnat Tahajjud:

Solat yang dikerjakan pada tengah malam, semasa seseorang itu terjaga dari tidurnya. Sekurang-kurangnya dua rakaat dan tidak ada had banyaknya.

Kelebihan Sunnat Tahajjud

1. Dirinya akan dipelihara dari segala penyakit zahir dan batin.
2. Air mukanya berseri-seri dan bercahaya.
3. Kata-katanya bernas dan berisi hikmah.
4. Menjadi seorang yang bijak dan memiliki fikrah yang waras.
5. Dibangkitkan dari kuburnya dengan wajah yang bercahaya.

Kelebihan Sunnat Tahajjud

6. Dikasihi oleh semua makhluk.
7. Diringankan hisabnya dihari qiamat.
8. Dipermudahkan meniti **Shirat** (titian) di Mahsyar.
9. Akan menerima buku catatan amalan dengan tangan kanan.

Lafaz Niatnya:

Usal-ii sunnatat tahajjudi rak'atini lillahi ta'ala

Maksudnya: "Sahaja aku bersolat sunnat tahajjud dua rakaat kerana Allah Ta'ala."

- Rakaat pertama, baca Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Kaafiruun
- Rakaat kedua baca Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Ikhlas
- *Dalam sujud akhir bacalah ayat (doa) ini tiga kali*

Bacaan Dalam Sujud Akhir Dalam Solat Sunnat Tahajjud.

**Rabbi adkhilnii mudkhala sidqin wa akhrijnii
mukhraja sidqin, waj'al lii min ladunka
sultaanan nasiiran**

*Maksudnya: Ya Tuhanku masukkan aku secara
masuk yang benar dan keluarkan aku secara
keluar yang benar dan kurniakan aku disisiMu
kekuasaan yang menolong aku.”*

Solat Sunnat Taubat

Solat sunnat taubat:

Solat yang dikerjakan oleh seseorang yang menginsafi akan kesalahannya, lalu bertaubat kepada Allah dari apa yang pernah dilakukannya itu.

Cara mengerjakan solat ini sama sahaja dengan solat-solat yang lain. Tiap-tiap dua rakaat satu salam dan tidak ada batasan rakaatnya. Dilakukan bila-bila masa.

Lafaz Niat Solat Sunnat Taubat

Usal-lii sunnatat taubati rak'ataini lillahi ta'ala

Artinya: "Sahaja aku bersolat sunnat taubat dua rakaat kerana Allah Ta'ala."

- Rakaat pertama, baca Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Kaafiruun 11 kali
- Rakaat kedua baca Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Ikhlash 11 kali

Bacaan Selepas Solat Sunnat Taubat

1. Astaghfirullahal adziimal ladzii laa ilaha il-lia huwal hayyul qay-yum. (1 kali)
2. Baca selawat 10 atau 100 kali:-
Allahumma sal-li 'alaa Saiyyidinaa
Muhammad
3. Laa ilaha il-laa anta subhaanaka in-nii kuntu minaz-zaalimiin (1 kali)

Kemudian Baca Ayat-Ayat Berikut:

Wal ladziina idzaa fa-aluu faahisyatan au dzalaamuu
an'fusahum dzakarullahi, fastaghfaru lidzunuubihim,
wa man yaghfiruz dzunuuba il-lallaahu, walam yusir-
ruu 'alaa maa fa-aluu wahum ya'lamuuna. Ulaa-ika
jazaa u-hum maghfiratun mir rabbihim wa jan-naatun
tajrii min tahtihal anhaaru, khaalidiina fiihaa wani'ma
ajrul 'aalamiina.

Arti Dari Ayat Tersebut

“ Dan apabila orang-orang yang mengerjakan perbuatan keji atau menganiaya diri sendiri, mereka ingatkan Allah, lalu memohon ampun terhadap dosa-dosa mereka. Siapa lagi yang mengampuni dosa selain dari Allah? Dan mereka tidak meneruskan perbuatan keji itu, sedang mereka mengetahui akan menerima balasannya iaitu ampunan dari TuhanNya. Dan Syurga yang didalamnya mengalir sungai-sungai. Mereka akan kekal didalamnya; Itulah sebaik-baik pahala orang-orang yang beramal.”

Membaca Doa Taubat

Setelah selesai segala solat sunat taubat diikuti dengan membaca doa taubat yang agak panjang (sila dapatkan buku panduan berdoa jika ada)

Solat Sunnat Istikhaarah

Solat Sunnat Istikhaarah:

Ialah solat untuk memohon petunjuk yang baik dari Allah s.w.t. Apabila seseorang Islam hendak mengerjakan sesuatu, maka hendaklah ia memohon kepada Allah, semoga Allah memberikan petunjuk tentang baik atau buruknya kerja yang akan dilakukan.

Lafaz Niat Solat Istikhaarah

Usal-lil sunnatal istikhaaratil rak'ataini lillahi
ta'ala

Maksudnya: "Sahaja aku bersolat sunnat istikhaarah dua rakaat kerana Allah Ta'ala."

- Rakaat pertama, baca Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Kaafiruun
- Rakaat kedua baca Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Ikhlas

Berdoa Selepas Solat Sunnat Istikhaarah

Setelah selesai segala solat sunnat istikhaarah
diikuti dengan membaca doa istikhaarah yang
agak panjang
(sila dapatkan buku panduan berdoa jika ada)

Solat Sunnat Tasbih

Solat Sunnat Tasbih:

Ia boleh dikerjakan pada siang atau malam hari.

Solat pada siang hari empat rakaat dengan satu salam, manakala pada malam hari dikerjakan dua rakaat berasingan, dengan dua salam.

Kelebihan Solat Tasbih

Semua kesalahan manusia akan diampuni Allah, yang terdahulu atau terkemudian, lama ataupun baru yang terlanjur atau sengaja, kecil mahupun besar, yang nyata ataupun yang tersembunyi.

Sabda Nabi Muhammad s.a.w.

“Sekiranya anda mampu, kerjakan tiap-tiap hari sekali, sekiranya anda tidak mampu, maka kerjakanlah seminggu sekali, jika tidak mampu juga, kerjakan setahun sekali. Sekiranya tidak ada juga kemampuan, maka kerjakan sekali seumur hidupmu.” (Hadis Riwayat: Abu Daud, Ibnu Majah dan Termidzi)

Lafaz Niat Solat Tasbih

Di siang hari:

Usal-lii sunnat tasbihi arba'a rakaa'atin lil-laahi ta'ala.

“Sahaja aku bersolat tasbih empat rakaat kerana Allah Ta'ala.”

Di malam hari:

Usal-lii sunnat tasbihi ral'ataini lil-laahi ta'ala.

“Sahaja aku bersolat tasbih dua rakaat kerana Allah Ta'ala”

Bacaan Dalam Solat Sunnat Tasbih.

Selepas membaca Surah Al-Fatihah dan satu surah yang lain, sebelum rukuk, bacalah tasbih seperti berikut:

Subhaanallahi walhamdulillahi wa laa ilaha illallahu wallahu akbaru, wa laa haula wa laa quw-wata il-laah billaahiil 'aliy-yul adziim.

Tempat-Tempat Bacaan Tasbih

- Selepas membaca Surah Al-Fatihah dan Surah, baca *Tasbih* 15 kali.
 - Dalam rukuk, baca *Tasbih* 10 kali.
 - Dalam iktidal, baca *Tasbih* 10 kali.
 - Dalam sujud, baca *Tasbih* 10 kali.
- Duduk diantara dua sujud, baca *Tasbih* 10 kali.
 - Dalam sujud, baca *Tasbih* 10 kali.
- Duduk sekejap, baca *tasbih* 10 kali (sebelum bangun untuk rakaat kedua).

75 Bacaan Tasbih Setiap Rakaat

Bacaan Tasbih dalam rakaat pertama sebanyak 75 kali. Pada keempat-empat rakaat berjumlah 300 kali.

Tempat-tempat bacaan Tasbih dalam rakaat yang lain sama sahaja. Pada Tahiyyat Akhir, bacaan Tasbih sebelum membaca Tahiyyat Akhir.

Bacaan Selepas Memberi Salam

Ya Allahu, Ya Rahmaan, Ya Rahiimu, Ya Hayyu Ya Qayyum, Ya Dzal Jalaalil wal Ikram.

Maksudnya: “ Ya Allah, ya Rahman, ya Rahim, wahai Dzat Yang Hidup Yang Maha Perkasa. Ya Allah yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.”

Doa Selepas Solat

Ya ahlal taqwa wa ahlal maghfirati, ya dzaakiraz zaakiriina, tub alaiy-ya taubatan nasuuhan, wa zid bifadli rahmatika nuuraqn wawuduahan ya arahamar raahimiin.

Maksudnya: “ Wahai Ahli taqwa dan Ahli pengampunan, wahai Pengingat orang-orang yang mahu beringat. Kurniakan aku taubat nasuha dan tambahkan aku dengan kelebihan rahmatMu dengan cahaya yang terang, bersinar, wahai Tuhan yang Maha Pengasih. ”

Solat Sunnat Hajat [1]

Solat Hajat:

Apabila seseorang itu ada sesuatu hajat, maka baik sekali baginya mengerjakan solat sunnat Hajat. Mudah-mudahan hajatnya yang baik diperkenankan Allah.

Cara mengerjakannya berbeza-beza, tetapi rukunnya tetap sama sahaja.

Disini diturunkan dua daripadanya.

Lafaz Niatnya:

Usal-ii sunnatal haajati rak'atini lil lahi ta'ala

“ Sahaja aku bersolat sunnat hajat dua rakaat kerana Allah Ta'ala. ”

Bacaanya:

Pada rakaat pertama, baca Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Kaafiruun 10 kali.

Pada rakaat kedua, baca Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Ikhlash 10 kali.

Selepas Memberi Salam

- Sujud semula dan baca:
 - **Rabbanaa aatina fid dunyaa hasanatan, wa fil aakhiraati hasanatan, waqinaa adzaaban naar (10 kali)**
 - Baca selawat keatas Nabi:
Allah humma sal-li ‘alaa Saiyidina Muhammadin wa ‘alaa aali Muhammadin (10 kali)

Selepas Memberi Salam

- Selepas membaca selawat, baca doa ini 10 kali:

**Laa haula wa laa quw-wata il-lah bil-laahil
'alaiyul adziim.**

[Didalam sujud itu mohon kepada Allah (dalam hati hajat yang dipinta). Insya'Allah akan diperkenankan dengan syarat dilakukan dengan hati yang ikhlas dan penuh yakin kepada pertolongan Allah].

Solat Sunnat Hajat [2]

Hendaklah anda bersolat dua belas rakaat (12) pada malam atau siang hari. Tiap-tiap dua rakaat satu salam. Apabila anda membaca "*Tasyahhud*" (tahiyyat) pada akhir tiap-tiap solat. Bacalah, (pujian dan selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w. saperti berikut:

“Alhamdulillah rabbil ‘aalamiina, was-salaaul was-salaamu ‘alaa asyrafil mursaliina, Saiyyidna Muhammadin wa ‘alaa aalihi wasahbihi ajmain.”

Setelah Membaca Selawat Dan Pujian

Kemudian sujud, dan didalam sujud bacalah:

1. Surah Al-Fatihah 7 kali
2. Ayat Kursi 7 kali
3. Bacaan Tauhid 10 kali iaitu:

*Laa ilaha ilallahu wahdahu laa syariikalahu,
lahul mulqu walahul hamdu, wahuwa 'alaa
kul-li sya-in qadiir.*

Setelah Membaca Selawat Dan Pujian

4. Selepas itu baca doa ini:

**Allah humma in-nii as-aluka bimaqaa-'idi
'arsyika, wamuntahar rahmati min
kitaabika, wabismikaal 'a-zami, waja-
dikaal 'a0laa, wakalimaatikat taam-mati
..... (sebutkan hajatnya).**

5. Selepas itu bangun dari sujud, beri salam kekanan dan kekiri.

Peringatan Nabi Muhammad S.a.w.

Jangan diajar solat ini kepada orang-orang yang nakal (safih). Nescaya permohonan mereka akan terkabul.

(Hadis Riwayat: Hakim dan Ibnu Mas'ud)

Solat Sunnat Awwabin

Awwabin:

Artinya orang-orang yang kembali kepada Allah. Seseorang Islam boleh mengerjakan solat sunnat Awwabin.

Waktunya:

Diantara solat Maghrib dengan solat Isya'

Bilangan Rakaat Dan Lafaz Niat

Bilangan Rakaat:

Sebanyak 6 rakaat dengan 3 salam

Lafaz Niatnya:

**Usal-lii sunnatal awwabiina rak'ataini lil
laahi ta'ala**

*“Sengaja aku bersolat sunnat Awwabin
dua rakaat kerana Allah Ta'ala.”*

Cara Mengerjakannya

Solat yang pertama:

Bacaan selepas Surah Al-Fatihah

(rakaat pertama dan kedua):

Surah Al-Ikhlās (6 kali)

Surah Al-Falaq (1 kali)

Surah An-Nas (1 kali)

Cara Mengerjakannya

Solat yang kedua:

Pada solat yang kedua, bebas membaca apa juga surah selepas membaca Surah Al-Fatihah

Solat yang ketiga:

Pada rakaat yang pertama, baca Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Kaafiruun, pada rakaat kedua baca Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Ikhlâs.

Kelebihan Solat Sunnat Awwabin.

Sabda Nabi Muhammad s.a.w.

Bermaksud:

Sesiapa yang bersolat sunnat enam rakaat antara waktu Maghrib dengan waktu Isya', Allah akan tuliskan baginya solat 12 tahun."

Solat Sunnat Witr

Witr: Artinya Ganjil

Solat ini dikerjakan selepas solat Isya', sekurang-kurangnya satu rakaat dan tidak lebih dari 11 rakaat.

Pada umumnya, kaum Muslimin mengerjakan solat Witr sebanyak tiga rakaat dibulan Ramadhan.

Kelebihan Solat Sunnat Witr

Sabda Nabi Muhammad s.a.w.

dengan maksud:

“ Sesungguhnya Allah itu witr (ganjil). Dia sukakan witr, maka lazimi dirimu bersolat witr. Wahai pendokong Al-Quran. ”

(Hadis Riwayat: Ahmd, Termidzi dan Al-Hakim)

Niat Solat Sunnat Witr

Lafaz niat dua rakaat:

Usal-lii sunnatal witr rak'ataini lil laahi ta'ala

*“Sengaja aku bersolat sunnat witr dua rakaat
kerana Allah Ta'ala.”*

Lafaz niat satu rakaat:

Usal-lli sunnatal witr rak'atan lil laahi ta'ala

*“Sengaja aku bersolat sunnat witr satu rakaat
kerana Allah Ta'ala.”*

Bacaan Dalam Solat Sunnat Witr 1 Rakaat

- Pada rakaat pertama, baca Surah Al-Fatihah dan Surah Al- A'la.
- Pada rakaat kedua, baca Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Kaafiruun.

Bacaan Dalam Solat Sunnat Witr Satu Rakaat:

Baca Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Ikhlash,
Al-Falaq dan An-Nas

Bacaan Dalam Solat Sunnat Witr 1 Rakaat

Solat Witr selepas 15 Ramadhan, disunnatkan membaca doa Qunut pada rakaat yang terakhir setelah bangun dari rukuk.

Doa yang baik dibaca selepas solat:

Allah hum-ma in-nii a'uzu biridhaaka min sakhatika, wabimu'aafaatika min 'uqubatika wa 'a'uzubika minka laa uhsii thanaa-an 'alaika anta kamaa athsnaita 'alaa nafsika.

Doa Yang Baik Dibaca Selepas Solat Witr

Allah humma in-nii a'uzu biridhaaka min sakhatika,
wabimu'aafaatika min 'uquubatika wa 'a'uzubika
minka laa uhsii thanaa-an 'alaika anta kamaa asnaita
'alaa nafsika.

Bermaksud:

“Ya Allah aku berlindung dengan keredhaanMu dari kemurkaanMu dan kemaafanMu daripada siksaanMu. Aku tetap berlindung denganMu. Pujian yang tidak terhingga khusus bagiMu. Diri Engkau sahajalah yang layak dipuji.”

Solat Sunnat Dhuha

Dhuha:

Maksudnya waktu matahari terbit

Waktu Mengerjakannya:

Boleh dikerjakan kira kira jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi. Sekurang-kurangnya dua rakaat dan tidak melebihi 12 rakaat.

Lafaz Niat Dan Bacaannya

Lafaz Niatnya:

Usal-lii sunnatad dhuhaa rak'ataini lil laahi
ta'ala

*“Sengaja aku bersolat sunnat dhuha dua rakaat
kerana Allah Ta'ala.”*

Bacaan Surah:

Rakaat Pertama Surah Al-Fatihah dan Surah As-
Syamsyi

Rakaat kedua Surah Al-Fatiha dan Surah Ad-
Dhuha

Di Sujud Akhir Solat Sunnat Dhuha

Baca doa ini 40 kali:

**Allah humma hablii yaa wah-haabu ‘ilman
wahikmatan, warzuqnii yaa ra-zaaqu rizqan
warahmatan, wakun lii musah hilan.**

*Maksudnya: “Ya Allah, kurniakan aku ilmu
pengetahuan dan hikmah. Wahai Maha Pemberi
kurnia, kurniakan aku wahai Pemberi rezeki dan
permudahkan segala urusanku.”*

Doa Selepas Memberi Salam Solat Sunnat Dhuha

“Ya Allah, sesungguhnya pagi ini pagi kepunyaanMu, keindahan ini keindahanMu, kecantikan ini kecantikanMu, kekuatan ini kekuatanMu, kekuasaan ini kekuasaanMu, dan perlindungan ini perlindunganMu, Sekiranya rezeki aku dilangit turunkanlah, kalau diperut bumi keluarkanlah, kalaulah sekiranya sukar diperolehi, permudahkanlah ia, kalaulah sekiranya haram sucikanlah dan apabila jauh perdekatkanlah. Dengan berkat nyaman pagi, berkat keindahan, kekuatan dan kekuasaan Engkau. Kurniakan aku sebagaimana Engkau kurniakan hamba-hambaMu yang soleh.”

Kelebihan Solat Sunnat Dhuha

Dipermudahkan rezeki dalam hidupnya dan terhindar dari hidup miskin dan melarat.

Daripada Abu Dzarrin r.a. ia berkata:

Sabda Nabi Muhammad s.a.w.

Dengan maksud :

“ Tiap-tiap sendi dari anggota manusia itu pada tiap-tiap pagi bersedeqah, tiap-tiap tasbih itu sedeqah, tiap-tiap tahmid sedeqah, tiap-tiap takbir sedeqah, amar makruf, nahi mungkar sedeqah, semuanya itu memadai diganti dengan solat dua rakaat dhuha. ”